

11 APRIL 2018

Guru disyaki menagih dadah ditahan

Guru disyaki menagih dadah ditahan

PARIT 10 April - Seorang guru sekolah menengah di Kampung Gajah dekat sini ditahan selepas disyaki terlibat dalam penyalahgunaan dadah dalam serbuan di sebuah rumah di Taman Changkat Lada Raya, di sini hari ini.

Guru berusia 45 tahun itu ditahan sepasukan anggota Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Perak Tengah pada pukul 12.45 tengah malam tadi.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah, Superintenden

Mohamad Zainal Abdullah berkata, ketika serbuan, lelaki yang disyaki penagih dadah itu sedang duduk di atas lantai bilik rumah tersebut.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut telah menjumpai satu bekas plastik berwarna ungu yang mana di dalamnya berisi tumbuhan kering disyaki kanabis seberat 29.6 gram.

Ujar Mohamad, penjawat awam itu kini ditahan untuk siasatan mengikut Seksyen 39A (1) dan Seksyen 15(1) Akta Dadah Berbahaya 1952.